

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

2. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan baharu untuk menolong golongan ibu tunggal untuk mencari perkerjaan?
  - (a) Berapakah statistik bilangan ibu tunggal terkini di negeri Pulau Pinang?
  - (b) Berapakah statistik terkini bilangan ibu tunggal yang sedang bekerja?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Penang Women's Development Corporation (PWDC) telah memperkenalkan Projek Transformasi Ekonomi Komuniti (CET) di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita (WEE). Ia merupakan sebuah projek yang direka khusus untuk membantu menjana pendapatan bagi penduduk, termasuk ibu tunggal. Sebagai projek perintis, PWDC telah mengadakan dialog untuk memperkenalkan program ini kepada penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan pada bulan Februari 2018 di atas permintaan penduduk setempat. Satu siri bengkel membuat kraf kertas dan kraf plastik telah dikendalikan untuk penduduk yang berminat. Kini, hasil kraftangan telah mula mendapat tempahan dan ada penduduk yang sudah mula menjana pendapatan.

- a) Berdasarkan data ibu tunggal yang mendaftar dengan program i-Sejahtera Kerajaan Negeri, terdapat seramai 14,707 orang bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 16 Julai 2018.

Manakala bilangan ibu tunggal yang berdaftar di bawah Pejabat Pembangunan Wanita (PPW) Pulau Pinang dari tahun 2014 sehingga Jun 2018 adalah seramai 6,672 orang. Pendaftaran ibu tunggal oleh PPW adalah berdasarkan kepada maklumat dan data yang didaftarkan melalui dewan-dewan Nur di setiap Parlimen dan melalui kehadiran sendiri ibu tunggal ke pejabat. Walau bagaimanapun, PPW menghadapi kekangan kesahihan data kerana kebanyakan daripada ibu tunggal ini tidak hadir memaklumkan status terkini walaupun telah berkahwin atau tiada medium yang boleh dikemaskini data sekiranya mereka meninggal dunia.

- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai statistik bilangan ibu tunggal yang sedang bekerja terkini.